

# Mevlana Exchange Programme Karabuk University Turki



Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menerima kunjungan dari Karabuk University Turki di bawah program mobiliti staf (Mevlana Exchange Programme) dalam usaha memperkuatkan kerjasama yang sudah terjalin sejak setahun lalu. Program yang berlangsung selama 5 hari bermula dari 1 hingga 6 Mac 2015, dihadiri oleh Asst. Prof. Dr. Gunay Ozbay. Beliau diberi slot perbincangan dan syarahan bersama Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses, yang diketuai oleh Dekan Prof. Madya Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan, Dekan Dr. Khairel Rafezi Ahmad. Hadir bersama ialah Timbalan Pengarah Pusat Hal Ehwal Antarabangsa (PHEA) En. Muhammad Izmer Yusof.

Hubungan di antara Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Karabuk University diharapkan semakin erat dengan pelbagai kerjasama dua hala yang mampu memberi banyak manfaat kepada kedua-dua belah pihak.